

Petisyen: Bila rayuan akhir Najib akan diputuskan?

Oleh SUWARNI MOKHTAR

utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak telah memfailkan petisyen rayuan akhirnya lewat petang kelmarin namun tarikh pendengaran rayuan akhir tersebut akan didengar belum ditetapkan.

Jika melihat kepada kes berprofil tinggi membabitkan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini, pendengaran rayuan akhir beliau hanya didengar enam bulan selepas petisyen rayuan difailkan.

Keputusan rayuan akhir bagi kes yang membabitkan Anwar dan bekas pembantu peribadinya, Mohd. Saiful Bukhari Azlan pula diputuskan Mahkamah Persekutuan kira-kira tiga bulan selepas pendengaran rayuan tersebut.

Menurut laporan media sebelum ini, pendengaran rayuan tersebut hanya akan didengar selepas permohonan Najib untuk memasukkan peguam kanan dari United Kingdom atau *Queen's Counsel* bagi mewakilinya dalam



NAJIB RAZAK

rayuan terakhirnya itu diputuskan dengan muktamad.

Bagaimanapun, permohonan tersebut hanya akan difailkan secara rasmi paling lewat pada penghujung bulan Mei ini. Pendengaran permohonan untuk menerima masuk QC tersebut sebagai peguam Najib dijangka didengar pada penghujung Jun.

Peguam bela utama Ahli Parlimen Pekan itu, Tan Sri Muham-

mad Shafee Abdullah dalam laporan sama telah memberi bayangan bahawa sekiranya permohonan tersebut ditolak, maka pihaknya akan memfailkan rayuan.

Sementara itu, berdasarkan pemerhatian, tiada perbezaan ketara antara 94 alasan yang dikemukakan dalam petisyen rayuan di Mahkamah Persekutuan dengan alasan-alasan yang dikemukakan pada peringkat Mahkamah Rayuan.

Pada peringkat Mahkamah Rayuan, Najib mengemukakan 307 alasan kenapa beliau tidak sepatutnya disabitkan atas tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana RM42 juta syarikat SRC International Sdn. Bhd.

Najib dalam petisyen rayuan di Mahkamah Persekutuan masih membangkitkan isu wang RM42 juta yang dimasukkan ke dalam akaun peribadinya merupakan derma daripada kerabat diraja Arab.

“Mahkamah Rayuan terkhalaf dari segi fakta dan undang-undang apabila menolak pem-

belaan perayu (Najib) berkaitan dengan derma Arab tersebut. Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi terkhalaf apabila menyatakan bahawa pembelaan derma Arab tersebut tidak mempunyai sebarang kredibiliti dan merupakan rekaan semata-mata,” katanya.

Najib juga mengulangi alasan beliau tidak mempunyai sebarang kawalan terhadap akaun peribadinya, mahupun mengetahui wang yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi tersebut merupakan wang yang diselewengkan daripada SRC International.

“Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi terkhalaf dari segi fakta dan undang-undang apabila menolak pembelaan Najib beliau tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai wang yang dimasukkan ke dalam akaunnya adalah wang SRC International dan beliau telah diperdayakan oleh Jho Low dan beberapa lain termasuk pihak pengurusan syarikat terbabit,” ujar salah satu alasan petisyen tersebut.